

2

**TAHQIQ KITAB : MUNYAH AL-MUSALLI
KARANGAN AL-ALIM AL-SYEIKH DAUD BIN
ABDULLAH AL-FATANI**

MARWAZI BIN DZIYAUDDIN

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2005**



TAḤQĪQ KITAB : *MUNYAH AL-MUṢALLĪ*
KARANGAN AL-ALIM AL-SYEIKH DAUD BIN
ABDULLAH AL-FATANI

MARWAZI BIN DZIYAUDDIN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2005

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini adalah berdasarkan kitab *Munyah al-Muṣallī* karya Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani seorang ulama tersohor di Nusantara pada abad ke 18M. Ia bertujuan untuk melihat bagaimana huraian ibadat sembahyang yang diungkapkan dalam Bahasa Melayu klasik dan meneliti apakah penekanan yang ingin disampaikan oleh pengarangnya kepada masyarakat Melayu agar ibadat ini dapat dipelajari dan dilaksanakan dengan sebaiknya serta dihayati dengan berkesan. Penyelidikan ini merupakan kajian teks. Pendekatan yang digunakan ialah menggunakan kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks asal iaitu tulisan Jawi kepada tulisan Rumi tanpa menggugurkan atau mengubah kandungan asalnya. Memandangkan kepada kepentingannya, penulis telah membuat penstrukturan semula ayat agar mudah difahami oleh pembaca iaitu menerangkan perkataan-perkataan penting, menterjemahkan istilah-istilah Arab, menghuraikan maksud dan mentakhrījkan hadis-hadis. Dapatan kajian menunjukkan ketinggian ilmu dan pemahaman pengarang yang mendalam terhadap perkara ibadat khususnya yang berkaitan dengan sembahyang

ABSTRACT

The Dissertation is based on *Munyah al-Muṣalli* by Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani, a renowned Islamic scholar of the 18th century in the Malay Archipelago. The objective of this research is to study the nature of prayer described in the classical Malay text and to identify the emphasis made by the author to the Malay community so as to make them learning, practicing and internalizing prayer in the best possible manner. This study is a text analysis, and conducted through the method of transliteration from Jawi to Roman script without eliminating or changing its original contents. The sentences have been restructured in order to explain important words and phrases, interpret Arabic terms, elaborate their meaning as well as to verify hadiths. The findings signify the authenticity and supremacy of knowledge possessed by the author, as well as his in depth understanding regarding *'ibādah* or worship, particularly the prayer, or solat.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana telah memberi kekuatan untuk meneruskan usaha mempelajari dan mendalami sebahagian daripada ilmu yang Allah s.w.t berikan sebagai panduan dan kesinambungan syariat ini.

Kajian yang saya lakukan ini adalah penyelidikan terhadap sebuah kitab Jawi lama yang disebut sebagai *tahqiq*. Ia memerlukan penelitian dan menguasai topik kajian dengan menyeluruh. Ini sudah tentu memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut.

Dari itu pada kesempatan ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Karim Bin Ali selaku penyelia yang banyak membantu dan membimbing penulis dalam usaha menyiapkan kajian ini. Dengan ilmu dan kepakaran yang dimilikinya, maka dapatlah penulis mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan beliau, terutamanya dari aspek teknik-teknik kajian dan penulisan. Penulis amat menghargai apa yang telah dicurahkan oleh beliau berupa pandangan, nasihat dan teguran sepanjang tempoh kajian ini. Penulis berharap kajian ini akan menjadi dorongan dan semangat kepada penulis untuk meneruskan kajian-kajian yang lain.

Jutaan terima kasih juga penulis nukilkan kepada pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Islam khususnya kepada mereka yang mengajar dalam program Sarjana Syariah di INSANIAH yang diketuai oleh

- Prof. Dato^h Dr. Mahmood Zuhdi Bin Hj. Abdul Majid
- Prof. Madya Dr. Anisah Bt. Abdul Ghani

- Prof. Madya Mohd Salleh B. Hj. Ahmad
- Prof. Madya Datin Dr. Faedah Bt. Hj. Ismail
- Prof. Madya Dr. Ahmad Hidayat B. Buang
- Prof. Madya Dr. Rahimin Afandi B. Abd. Rahim

dan lain-lain atas ilmu dan bimbingan yang telah diberi. Begitu juga tidak dilupakan guru-guru di Maktab Mahmud sepanjang tempoh pengajian penulis sekitar tahun 80 an selama 8 tahun.

Penghargaan istimewa juga dinukilkan kepada tuan-tuan guru yang mengajar saya dalam mempelajari kitab *Munyah al-Muṣallī* ini secara talaqqi dan harfiah iaitu;

- Dato' Mursyid Di Raja Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd Nor
(bekas Mufti Negeri Kedah)
- Dato' Syeikh Ahmad Bin Hj. Ali
(AJK Fatwa Negeri Kedah)
- Syeikh Abdul Hamid Bin Md Tahir
(AJK Fatwa Negeri Kedah)
- Tuan Guru Hj. Ali bin Ahmad
(bekas guru Maktab Mahmud)

Semangat serta dorongan dari rakan-rakan juga tidak dilupakan. Semoga ilmu dan kerjasama yang diberikan oleh mereka dapat membantu meningkatkan lagi tahap keilmuan dan ketaqwaan, hanya Allah s.w.t sahajalah yang dapat membalas jasa baik mereka.

DEDIKASI

Doa kepada kedua ibubapa al-Marhum Dziauddin Bin Hj. Kassim dan al-Marhumah Sofiah Binti Hj. Zainul Abidin, semoga roh keduanya dicucuri rahmat

Buat isteri Fatin Hanim Binti Mohd Fadzil yang sentiasa berada di sisi dan memahami dalam apa jua situasi.

Untuk anak-anak Alya' Rujha, Addar Qutni dan Aisar Nublan yang menjadi perangsang. Seterusnya kepada sanak saudara dan rakan taulan yang memberi dorongan dan galakan.

KEPENDEKAN

op.cit	dalam karyanya yang dirujuk sebelum ini
ibid	pada tempat yang sama
bil.	Bilangan
dlm.	Dalam
terj.	Terjemahan
no.	nombor
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
m.s.	muka surat
Dr.	Doktor
juz.	Juzuk
jum.	Jumlah
jld.	Jilid
s.w.t	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	Salla Allah a'laihi wa Sallam
a.w.j	Azza wa Jalla
j.j	Jalla Jalaluh
r.a	Radiya Allah `anhu
r.h	Rahima Allah
a.s	`alaih al-Salam

TRANSLITERASI

ء	:	'	غ	:	gh
ب	:	b	ف	:	f
ت	:	t	ق	:	q
ث	:	th	ك	:	k
ج	:	j	ل	:	l
ح	:	h	م	:	m
خ	:	kh	ن	:	n
د	:	d	ه	:	h
ذ	:	dh	و	:	w
ر	:	r	ى	:	y
ز	:	z	ة	:	h
س	:	s			
ش	:	sy			
ص	:	s			
ض	:	d			
ط	:	t			
ظ	:	z			
ع	:	'			

VOKAL PANJANG

أ : a

و : u

ی : I

VOKAL PENDEK

___ (fathah) a

___ (dammah) u

___ (kasrah) I

DIFTONG

او : aw

ای : ay

يَ : iy / i

وَّ : uw

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1

- Jalur Keturunan Syeikh Daud al-Fatani

Lampiran 2

- Peta Wilayah-Wilayah Patani

Lampiran 3

- Peta Kampung Kerisik Dalam Wilayah Patani

Lampiran 4

- Kitab *Munyah al-Muṣallī* Cetakan Tahun 1341H

Lampiran 5

- Kitab *Munyah al-Muṣallī* Cetakan Tahun 1342H

Lampiran 6

- Kitab *Munyah al-Muṣallī* Cetakan Tahun 1354H

KANDUNGAN

TAJUK

HALAMAN

HALAMAN TAJUK

BASMALAH, AYAT SEMBAHYANG

ABSTRAK

i

ABSTRACT

ii

PENGHARGAAN

iii

DEDIKASI

v

KEPENDEKAN

vi

TRANSLITERASI

vii

SENARAI LAMPIRAN

ix

KANDUNGAN

x

BAB PENDAHULUAN

xiv

1. MUQADIMAH

xiv

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

xv

3. MASALAH KAJIAN

xvii

4. OBJEKTIF KAJIAN

xix

5. METODE KAJIAN

xx

6. SKOP KAJIAN

xxi

7. KAJIAN TERDAHULU

xxii

**BAB PERTAMA : SYEIKH DAUD AL-FATANI : RIWAYAT HIDUP
PENDIDIKAN DAN KARYA-KARYA**

1 – 25

1.1	NAMA DAN KETURUNAN	1
1.2	TARIKH DAN TEMPAT KELAHIRAN	2
1.3	KELUARGA SYEIKH DAUD	6
1.4	PENDIDIKAN	7
1.5	GURU-GURU	11
1.6	KARYA	12
1.7	PENUTUP	24

BAB KEDUA : PENGENALAN KEPADA KITAB
MUNYAH AL-MUŞALLĪ 26 – 36

2.1	PENGENALAN KITAB	26
	2.1.1 MAKNA TAJUK	26
	2.1.2 LATAR BELAKANG KITAB	26
2.2	PERBANDINGAN NASKHAH <i>MUNYAH AL-MUŞALLĪ</i>	28
	2.2.1 HURUF	28
	2.2.2 SUSUN ATUR AYAT	29
	2.2.3 CETAKAN	29
2.3	KAEDAH TRANSLITERASI	30
2.4	PENGUKUHAN BAHASA DAN AYAT	30
	2.4.1 MEMODENKAN PERKATAAN KLASIK	30
	2.4.2 PENAMBAHAN TANDA BACAAN	31
2.5	METODE PENULISAN	31
2.6	KANDUNGAN KITAB	33

2.6.1	SUSUNAN TOPIK	33
2.6.2	BAHASA	34
2.6.3	PERBENDAHARAAN KATA DAN EJAAN	35

BAB KETIGA : NOTA DAN TRANSLITERASI KITAB <i>MUNYAH AL-MUŞALLĪ</i>	37 – 138
---	----------

BAB KEEMPAT : RINGKASAN KITAB <i>MUNYAH AL-MUŞALLĪ</i>	139
---	-----

KEWAJIPAN SEMBAHYANG	139
FADILAT SEMBAHYANG	141
SYARAT SAH SEMBAHYANG	144
RUKUN SEMBAHYANG	145
SUNAT-SUNAT SEMBAHYANG	147
A) SUNAT <i>AB'ĀD</i>	147
B) SUNAT <i>HAY'AH</i>	148
KHUSYU' DAN KEPENTINGANNYA	149
SEMBAHYANG IBADAH SILAM	150
CIRI-CIRI DAN KESEMPURNAANNYA	151
SUJUD SAHWI	154
SUNAT-SUNAT SEBELUM SEMBAHYANG	155
MAKRUH DALAM SEMBAHYANG	155
SUNAT-SUNAT SELEPAS SEMBAHYANG	156
SEMBAHYANG JAMAAH	157
A) KEPENTINGAN	157

B) KELEBIHAN	158
KEUTAMAAN JUMAAT	158
SYARAT SAH JUMAAT	159
LARANGAN MENINGGALKAN SEMBAHYANG	161
SEMBAHYANG-SEMBAHYANG SUNAT	163
BAB KELIMA : PENUTUP	171
5.1 KESARJANAAN SYEIKH DAUD AL-FATANI	171
5.2 KEPENTINGAN KITAB <i>MUNYAH AL-MUŞALLĪ</i>	172
5.3 CADANGAN	174
BIBLIOGRAFI	175 - 180
LAMPIRAN	

BAB PENDAHULUAN

1. MUQADIMAH

Nama Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani sudah tidak asing lagi di rantau ini. Melihat kepada hasil karya beliau yang banyak dan besar pengaruhnya, maka orangnya juga sudah tentu hebat dari segi keilmuan dan akhlaknya serta menjangkau bilangan karya yang telah dihasilkannya.

Pengaruh keilmuannya yang besar itu menjadikan namanya terus segar dalam ingatan masyarakat Melayu khususnya kepada para pengkaji dan pelajar kitab jawi.

Ketokohan beliau dalam bidang ilmu pengetahuan sememangnya tidak dapat dinafikan. Sejarah hidup, karya-karya, sumbangan serta pengaruh beliau dalam pendidikan umat Islam di rantau Nusantara secara amnya dan Pattani secara khususnya telah banyak menjadi tajuk perbincangan pelbagai pihak. Kemasyhuran beliau bukan sahaja mendapat pengiktirafan nasional, bahkan juga di peringkat antarabangsa sehinggalah nama dan sebahagian daripada latar belakang karya-karyanya telah dimasukkan ke dalam *Encyclopedia of Islam*.

Melihat kepada situasi ini, maka satu pendekatan baru perlu diusahakan agar kesinambungan ilmu serta pengajaran beliau dapat diteruskan dalam bentuk yang lebih mudah dan efisien, lebih-lebih lagi kepada generasi baru di zaman ini yang semakin renggang dengan hasil karya lama atau klasik. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dewasa ini, pengajian 'kitab-kitab kuning' semakin dipinggirkan, bukan sahaja di bandar-bandar atau pusat-pusat pengajian tinggi malah di kampung-kampung juga semakin

berkurangan yang suatu ketika dahulu begitu popular dalam pengajian ilmu-ilmu agama di masjid, surau dan pondok.

Dari itu dengan pendekatan dan kajian yang dilakukan ini mudah-mudahan ia dapat mengengahkan semula nilai tradisi pengajian Jawi ini yang suatu ketika dahulu begitu berkesan dalam mencorak kehidupan masyarakat Melayu dari aspek pengajian dan pengajaran ilmu.

Namun begitu dalam usaha menggilap kembali sesuatu yang 'lama', pendekatan dan kaedah yang sesuai perlu digunakan agar ianya dapat diadaptasikan seterusnya dicernakan dalam kehidupan masyarakat globalisasi zaman sekarang. Penerimaan masyarakat sekarang terhadap perkara-perkara yang lama atau dalam konteks ini kitab-kitab Jawi lama adalah bergantung kepada bentuk olahan serta kaedah penyampaian yang paling mudah dan dapat difahami dengan baik lagi berkesan.

Ini disebabkan faktor masa yang berlalu dan perubahan-perubahan yang berlaku amat berbeza sekali. Perubahan dan perkembangan bahasa dan budaya jika dibandingkan dengan dahulu amat jelas kelihatan perbezaannya kepada kita.

Mudah-mudahan kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum Islam dan pelajar-pelajar khususnya.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam era globalisasi ini, perkembangan pemikiran manusia semakin berkembang. Ditambah pula dengan kemajuan sains dan teknologi yang banyak membantu manusia untuk mendapatkan maklumat dalam masa yang singkat.

Perkembangan ini sedikit sebanyak telah mengalihkan pandangan umat Islam ke arah menumpukan soal-soal kehidupan duniawi dan fizikal melebihi perkara-perkara yang berkaitan dengan ukhrawi dan rohani. Walaupun Islam menitikberatkan kedua-dua aspek ini, namun sebagai umat Islam yang mempercayai kehidupan di hari akhirat, sudah tentu perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya agar kehidupan di dunia ini benar-benar bermakna dan memberi manfaat kepada kita bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat nanti.

Dalam Islam, persoalan ibadah dikupas dan diperjelaskan dengan panjang lebar oleh para ulama, sekaligus menunjukkan konsep ibadah adalah luas, dengan kata lain ia meliputi seluruh aspek kehidupan ini.

Dalam melaksanakan tuntutan ibadah, terdapat apa yang disebut sebagai *'ibādah khuṣūṣiyyah*. Dalam konteks *'ibādah khuṣūṣiyyah* ini, *ṣalāh* atau sembahyang menjadi perkara utama dan mendasari dalam semua ibadah.

Ibadah sembahyang ini telah jelas dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran dan Nabi s.a.w dalam hadisnya. Diikuti pula dengan huraian oleh para fuqaha terdahulu. Kupasan mereka yang panjang lebar dan sempurna itu dimuatkan dalam kitab-kitab fiqh mereka dan ianya bolehlah dianggap telah selesai diperkatakan dan tiada apa untuk diperbincangkan.

Walaupun begitu kajian ini dilakukan bukanlah ingin membuka dan membahaskannya semula, tetapi untuk melihat bagaimana perkara utama dalam ibadah sembahyang ini diungkap dalam bahasa Melayu untuk disampaikan kepada masyarakat di rantau ini. Seterusnya ingin mengukuhkan teks asal supaya mudah dibaca dan difahami.

Dari itu, hasil karya Syeikh Daud al-Fatani ini menjadi pilihan penulis kerana ia bolehlah dikatakan sebagai kitab yang pertama yang membincangkan secara khusus bab sembahyang dalam bahasa Melayu. Kitab ini telah mengisi ruang pengajian ilmu di rantau Nusantara ini khususnya di wilayah-wilayah Patani dan negeri-negeri sebelah utara Malaysia iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Kitab ini dijadikan pengajian asas dalam pengajian syariah atau fiqh di pondok-pondok, masjid-masjid dan surau-surau dan ia mampu bertahan sejak ia dihasilkan sehinggalah sekarang.

3. MASALAH KAJIAN

Kitab *Munyah al-Muṣallī* ini adalah kitab yang begitu popular digunakan dalam pengajian pondok di rantau Nusantara. Penggunaannya yang meluas itu menjadikannya rujukan utama bagi mendalami masalah sembahyang dalam bahasa Melayu.

Pada masa sekarang, perkembangan dalam sistem pengajian lebih tersusun dan kurikulumnya lebih teratur. Kitab-kitab dan buku-buku baru lebih mendapat tempat di kalangan masyarakat kerana pendekatan yang digunakan lebih bersesuaian dengan zaman moden ini.

Walaupun corak pengajian tradisi pondok semakin hilang ditelan zaman, namun masih terdapat beberapa buah pondok di negeri Kedah khususnya, masih menggunakan kitab ini dalam pengajiannya bagi mendalami ilmu Fiqh khususnya dalam ibadah sembahyang, pondok tersebut ialah Pondok Tanjung Kapur, Lubuk Kawah dan Pondok Lanai, Parit Panjang.

Di samping itu juga, terdapat guru-guru takmir masjid di negeri Kedah yang menggunakan kitab ini dalam kuliah-kuliah mereka. Sebagai contoh, rakan penulis Us. Shabuddin B. Abdul Kadir yang mendapat pendidikan di Patani selama 6 tahun, menggunakan kitab ini dalam pengajarannya di masjid-masjid dalam daerah Pendang.

Berdasarkan perbincangan penulis dengan beliau, kenapa kitab *Munyah al-Muṣallī*⁵ ini masih mampu bertahan dan digunakan sehingga sekarang, hasilnya terdapat tiga faktor yang menunjukkan kepada keadaan tersebut.

- 1) Kandungan kitab ini mencakupi keseluruhan topik-topik yang berkaitan dengan ibadah sembahyang, atau dengan kata lain ia dianggap sempurna dari segi isi, huraian dan perbincangannya.
- 2) Perbahasannya yang memfokuskan kepada persoalan sembahyang sahaja menjadikannya tidak terlalu panjang dan berat untuk dipelajari. Ini membolehkan pengajiannya dapat ditamatkan dalam masa yang singkat.
- 3) Disebabkan penggunaannya yang meluas suatu ketika dahulu, maka kesinambungan pengajiannya dapat dikekalkan dan diteruskan sehingga ke hari ini.

Selain penggunaannya yang meluas di pusat-pusat pengajian dahulu, apa yang menarik perhatian penulis untuk melakukan kajian terhadap kitab ini ialah ketokohan pengarangnya yang disifatkan sebagai penulis prolific. Beliau bukan sahaja menulis dalam bidang fiqh malah terdapat karya-karyanya dalam bidang lain seperti Tauhid, Tasawwuf, Hadis dan Sejarah.

Kitab *Munyah al-Muṣallī*⁷ dikenali dan dipelajari di dalam pengajian di pondok-pondok dan masjid-masjid. Penggunaannya suatu ketika dahulu amat meluas. Justeru, perlu kajian mendalam terhadap kandungan dan data-data (terutamanya pandangan fuqaha dan ulama Hadith) perlu dikenal pasti agar ia terus dihargai dan dijadikan rujukan oleh generasi sekarang.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang diusahakan ini bertujuan untuk;

- a) Meneliti perbincangan ibadah sembahyang yang ditulis oleh Syeikh Daud dalam bahasa Melayu yang dianggap kitab Melayu pertama yang membahaskan bab sembahyang secara terperinci.
- b) Mengenangkan semula nilai tradisi pengajian Jawi yang suatu ketika dahulu menjadi medium utama dalam pengajian dan pengajaran dalam masyarakat Melayu.
- c) Memudahkan masyarakat awam membaca dan memahaminya.
- d) Menjadi rujukan kepada mereka yang mempelajari ibadah sembahyang.

5. METODE KAJIAN

Dalam penyediaan disertasi ini, penulis telah menggunakan dua metode utama iaitu;

a) Metode Pengumpulan Data

Metode ini adalah sangat penting dalam setiap kajian yang hendak dijalankan, melalui metode ini penulis berusaha mengumpulkan data-data yang diperlukan dari pelbagai sumber. Antara sumber paling utama ialah perpustakaan. Penulis telah mengunjungi perpustakaan-perpustakaan berikut,

- Perpustakaan INSANIAH
- Perpustakaan Awam Negeri Kedah
- Perpustakaan Akedemi Pengajian Islam UM
- Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
- Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Kedah
- Perpustakaan Majlis Agama Islam Negeri Kedah

Data-data yang diperolchi meliputi kitab-kitab agama, buku-buku umum dan dokumen-dokumen bercetak yang lain seperti kertas-kertas kerja, risalah dan majalah. Kitab-kitab agama terdiri dari pelbagai disiplin ilmu iaitu Tafsir, Hadis, Fiqh, Tauhid dan Tasawwuf. Manakala buku-buku umum pula ialah berbentuk Sejarah, Kamus dan Pemikiran.

b) Metode Penganalisaan Data

Melalui metode ini penulis menggunakan kaedah analisis terhadap keseluruhan kandungan kitab *Munyah al-Muṣallī* ini, iaitu dengan meneliti teksnya dengan terperinci dan membuat perbandingan antara teks *Munyah al-Muṣallī* dengan data-data yang telah disebut di atas. Untuk mendapat penjelasan lanjut kandungan kitab ini penulis berjumpa dan mempelajari kitab ini daripada beberapa tokoh agama di sekitar Alor Setar, mereka ialah;

- Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd Nor
(bekas mufti Negeri Kedah)
- Dato' Syeikh Ahmad Bin Ali
(Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Kedah)
- Tuan Syeikh Abdul Hamid B. Md Tahir
(Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Kedah)
- Tuan Guru Hj. Ali Bin Ahmad
(bekas guru Maktab Mahmud)

Penulis memilih tokoh-tokoh ini kerana mereka adalah orang yang pernah mempelajari kitab ini dan mendapat pendidikan langsung secara pondok sekitar tahun akhir 50an dan awal 60an.

6. SKOP KAJIAN

Kajian ini dibuat terhadap kitab *Munyah al-Muṣallī* karangan Sycikh Daud Bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini membicarakan ibadah sembahyang yang merangkumi

beberapa topik penting iaitu hukum sembahyang, kelebihan sembahyang, rukun-rukunnya, syarat-syarat sahnya, sunat-sunatnya, perkara makruh dalam sembahyang, perkara-perkara yang mendatangkan khusyū⁷, kepentingan sembahyang Jumaat dan dimuatkan juga beberapa sembahyang sunat.

Penulis akan menerangkan maksud perkataan-perkataan lama yang sukar difahami serta memberikan makna perkataan-perkataan Arab. Juga akan dijelaskan ayat-ayat yang difikirkan susah lagi berbelit-belit. Dalil-dalil dari ayat al-Quran akan dinyatakan bilangan ayat dan *Sūrah*nya, manakala hadith-hadith akan *ditakhrīj*⁷ serta dinyatakan sumbernya.

7. KAJIAN TERDAHULU

Sepanjang pemerhatian penulis, tidak terdapat lagi kajian yang dilakukan ke atas kitab *Munyah al-Muṣallī*⁷ ini. Walaupun banyak kajian telah dibuat sebelum ini yang berkaitan dengan Syeikh Daud al-Fatani dari segi riwayat hidupnya, perjuangannya, karya-karyanya dan ketokohnya tetapi kajian secara khusus terhadap kitab ini belum dibuat.

Paling hampir kajian terhadap kitab ini ialah transliterasi teks asalnya yang diusahakan oleh Hj. Wan Mohd Shaghbir. Namun begitu beliau tidak membuat kajian menyeluruh dan terperinci terhadap kitab ini atau apa yang disebut sebagai *taḥqīq*⁷. Beliau hanya menyalin semula teks asal dan menulis dalam ejaan Rumi baru dengan sedikit huraian.

Antara kajian-kajian lain yang berkaitan dengan Syeikh Daud al-Fatani ialah;

- *Syeikh Daud B. Abdullah al-Fatani : Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* oleh Wan Mohd Shaghir B. Abdullah.

Buku ini mengutarakan sejarah hidup dan latar belakang Syeikh Daud iaitu kelahiran, pendidikan, karya-karya dan dinyatakan juga guru-guru serta murid-muridnya. Ia juga menyatakan sanad-sanad tarekat yang dipegang dan diamal oleh Syeikh Daud serta wirid-wiridnya. Pengarang buku ini ingin mengenengahkan Syeikh Daud sebagai seorang penulis prolific khususnya penulis dari kalangan ulama Melayu. Hasilnya, Syeikh Daud dapat dilihat sebagai seorang yang berjaya mengembangkan ilmu di rantau Nusantara berdasarkan kepelbagaian disiplin ilmu yang telah dihasilkannya.

- *Syeikh Daud al-Fatani : Peranan Dan Sumbangannya Di Nusantara* oleh Engku Ibrahim B. Ismail.

Buku ini menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh Syeikh Daud dalam usahanya menyebarkan ilmu dan dakwah Islam di rantau Nusantara. Karya-karyanya yang terdiri dari pelbagai disiplin ilmu menjadi bahan utama dalam penyebaran dakwahnya. Syeikh Daud dilihat sebagai seorang yang dapat menguasai pelbagai ilmu, justeru sumbangannya kepada masyarakat Melayu di Nusantara adalah besar dan bermakna. Buku ini menyentuh peranan yang dimainkan oleh Syeikh Daud dalam mengembangkan ilmu secara menyeluruh.

- *Kifāyah al-Muhtāj fī al-Isrā' wa al-Mi'rāj* oleh Mohamad Khadafi B. Rofei

Buku ini adalah sebuah disertasi yang dihasilkan di peringkat Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ianya merupakan satu kajian *tahqiq* terhadap kitab *Kifāyah al-Muhtāj fī al-Isrā' wa al-Mi'rāj* oleh Syeikh Daud iaitu sebuah kitab yang membicarakan kisah *Isrā'* dan *Mi'rāj*. *Tahqiq* yang dibuat adalah tertumpu kepada *takhrīj* hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab ini dan tidak menyentuh data-data yang lain. Oleh itu kajian disertasi ini masih belum menyeluruh dan meliputi isi kandungan yang lain.

- *Syeikh Daud al-Fatani* oleh Ismail Che Daud yang dimuatkan dalam bukunya "Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung".

Buku ini memuatkan sejumlah ulama-ulama Melayu dari pelbagai generasi dan bidang. Pengarang buku ini memfokuskan kepada latar belakang dan sejarah hidup tokoh-tokoh ulama Melayu serta hasil-hasil karya mereka. Huraian setiap tokoh dihurai secara ringkas dan tidak menyeluruh.

Bagi memantapkan kajian ini khususnya kajian terhadap riwayat hidup Syeikh Daud al-Fatani, penulis telah menghadiri satu seminar yang berkaitan langsung dengannya iaitu **Seminar Pemikiran Ulama : Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani**, di Kolej Islam, Prince of Songkla University, Pattani yang berlangsung pada 1hb – 3hb Jun 2001.

Penulis juga berkesempatan menemui Hj. Wan Mohd Shaghir B. Abdullah iaitu pengkaji ulama-ulama Nusantara sebanyak tiga kali dalam seminar-seminar yang dihadiri

di Patani dan Alor Setar. Penulis juga berkesempatan menemui seorang tokoh sejarah Patani iaitu Hj. Ismail Bin Ishak.